

Dr M perjelas syor larang

BH 24 APR 2001

KUALA LUMPUR, Isnin – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, syor melarang orang terlalu kaya bertanding merebut jawatan dalam Umno adalah pandangan peribadinya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, cadangannya ketika berucap merasmikan persidangan

perwakilan Umno Kubang Pasu Sabtu lalu itu, masih tertakluk kepada perbincangan dan kelulusan Majlis Tertinggi (MT) parti.

“Ini pendapat saya, belum dipersetujui MT. Saya harap ia (MT) setuju,” katanya di lobi Parlimen selepas membentangkan Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8) di Dewan Rak-

yat hari ini.

Sabtu lalu, Dr Mahathir antara lain berkata, golongan terlalu kaya tidak akan dibenarkan bertanding merebut jawatan penting dalam Umno, sama ada pada peringkat cawangan, bahagian mahupun MT.

Bagaimanapun, Umno akan mengkaji setakat mana menghalang orang

kaya menjadi ketua atau bertanding sebagai ketua kerana golongan itu suka menggunakan kekayaan mempengaruhi keputusan dibuat perwakilan.

Cadangan itu mendapat reaksi berbeza di kalangan pemimpin Umno termasuk pada peringkat bawahan, hingga ada yang mempersoalkan kriteria apa yang

calon kaya bertanding

akan digunakan untuk menentukan seseorang itu ‘terlalu kaya’.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno menjelaskan, cadangan itu bersifat umum dan bukannya untuk menyekat orang yang terlalu kaya menyertai Umno.

“Masuk Umno boleh, tapi tak payahlah bertanding,

tak payahlah jadi ketua bahagian dan kita akan tentukan cara-cara supaya orang yang betul-betul ikhlas bertanding tidak tersekat kerana (disebabkan) mereka kaya,” katanya.

Beliau berkata, langkah itu bertujuan membendung amalan politik wang.

“Pihak yang terlalu kaya yang menyertai Umno akan

diminta untuk membuat pengisytiharan harta mereka masing-masing. Saya sudah beritahu bahawa dia kena buat kenyataan mengenai harta dia seperti juga menteri-menteri kena buat kenyataan.

“Kalau ketika dia bertanding tiba-tiba duit dia me-rosot, kita nak tahu pasal apa,” katanya.